

## PROMOSI EKSKLUSIF HONG LEONG BANK PENDAFTARAN DAN PENGGUNAAN “FINANCIAL PROCESS EXCHANGE” (FPX)

### TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005001009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) “PROMOSI EKSKLUSIF HONG LEONG BANK PENDAFTARAN AND PENGGUNAAN “FINANCIAL PROCESS EXCHANGE” (FPX)” (“Promosi”) bermula pada 1 Februari 2025 dan berakhir pada 31 Julai 2025 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Berikut merupakan penetapan terma dan syarat yang berkenaan untuk Promosi (“T&S”):

### KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu dan bukan individu sedia ada dan baru kepada Bank (“Pelanggan”) yang merupakan pemegang HLB Akaun Semasa atau Akaun Simpanan/HLISB Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (“CASA/CASA-i”) semasa Tempoh Promosi.

Pelanggan bukan individu dirujuk kepada syarikat sendirian berhad, syarikat tersenarai awam, persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan, milikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, amalan professional yang telah didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia.

2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis/digulung menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan/prosiding penggulungan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak untuk menyertai Promosi.

### KRITERIA PROMOSI

3. Pelanggan yang menerima surat tawaran dari Bank (“Surat Tawaran”) dari 1 Februari 2025 hingga 31 Julai 2025 (“Tempoh Pengeluaran”) boleh menyertai Promosi ini. Untuk mengelakkan keraguan, tiada Surat Tawaran akan dikeluarkan oleh Bank bagi penyertaan dalam Promosi ini selepas 31 Julai 2025.
4. Untuk menyertai dan layak untuk Promosi ini, Pelanggan mesti melaksanakan dan memenuhi kriteria yang berikut (“Kriteria Kelayakan”) semasa Tempoh Promosi:
  - (a) mengakui Surat Tawaran dalam masa dua (2) minggu dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan; dan
  - (b) mengintegrasikan dan mengaktifkan FPX sebagai platform pembayaran dalam talian yang tersedia kepada orang awam (“Go Live”) dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Contohnya, jika Surat Tawaran dikeluarkan pada hari bulan 1 Februari 2025, Pelanggan mesti mengakui Surat Tawaran pada atau sebelum 14 Februari 2025 dan Pelanggan mesti Go Live pada atau sebelum 30 April 2025.
5. Kelayakan Promosi ini akan luput secara automatik sekiranya mana-mana Kriteria Kelayakan yang ditetapkan di Klausula 4 (a) atau Klausula 4 (b) di atas tidak dipenuhi.
6. Dua belas (12) Pelanggan yang dengan bilangan transaksi FPX tertinggi akan dipilih untuk memenangi Ganjaran Tunai berdasarkan dua (2) kategori yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.
7. Bilangan transaksi FPX tertinggi akan dikira berdasarkan kumulatif dari bulan Pelanggan Go Live hingga 31 Oktober 2025 (“Bulan Transaksi”) seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah. Pelanggan yang Go Live secepat mungkin berpeluang tinggi untuk memenangi Ganjaran Tunai.
8. Mekanik Ganjaran Tunai termasuk pembayaran Ganjaran Tunai dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 1

Tempoh Promosi		Bulan Transaksi	Contoh			
Tempoh Pengeluaran	Tempoh Go-Live		Tarikh Pengeluaran Surat Tawaran	Tarikh Terakhir Go Live	Tarikh Sebenar Pelanggan Go-Live	Bulan Transaksi
Mulai 1 Februari 2025 hingga 31 Julai 2025	Dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh Surat Tawaran disediakan.	Mulai hari pertama Go-Live hingga 31 Oktober 2025	1 Februari 2025	30 April 2025	30 April 2025	30 April 2025 - 31 Oktober 2025
			23 Mac 2025	22 Jun 2025	11 Mei 2025	11 Mei 2025 - 31 Oktober 2025
			31 Julai 2025	30 Oktober 2025	30 Oktober 2025	30 Oktober 2025 - 31 Oktober 2025

Jadual 2

Bilangan Pemenang (#)	Kategori 1	Kategori 2	Bulan Transaksi	Tarikh Pembayaran Ganjaran Tunai
6 pemenang setiap Kategori	Purata nilai transaksi bulanan (RM) KURANG DARIPADA dan SAMA dengan RM300,000	Purata nilai transaksi bulanan (RM) LEBIH DARIPADA RM300,000	1 Februari 2025 hingga 31 Oktober 2025	1 Disember 2025
	6 pemenang* x Ganjaran Tunai RM5,000	6 pemenang* x Ganjaran Tunai RM5,000		

*\*Pemenang akan dipilih berdasarkan bilangan transaksi (#) yang tinggi digenerasikan dalam tempoh Promosi ini.*

## UMUM

9. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
  - (a) telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Umum untuk Akaun; Terma & Syarat berkenaan dengan CASA/CASA-i (“Terma & Syarat yang Berkenaan”) termasuk T&S disini;
  - (b) bersetuju bahawa semua transaksi FPX yang dilakukan, seperti direkod oleh Bank, termasuk keputusan Bank dalam semua perkara tentang Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan terikat;
  - (c) bersetuju bahawa Ganjaran Tunai yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3), atau kepada sebarang bentuk lain dan tidak boleh ditukar untuk tunai atau manfaat semacamnya; dan
  - (d) bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
  
10. Bank berhak:
  - (a) dengan notis awal kepada Pelanggan, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang disenaraikan di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau untuk menamatkan Promosi, dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“Laman Web Bank”); dan
  - (b) untuk mengubah mekanik Promosi dan/atau membatalkan Ganjaran Tunai sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S oleh Pelanggan.
  
11. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan mengatasi setakat percanggahan tersebut.

12. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S di sini dan sebarang pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau bersabit dengan Promosi ini, T&S muktamad di Laman Web Bank akan diguna pakai.
13. Terma & Syarat di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
14. Perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini atau memerlukan salinan versi Bahasa Inggeris, anda boleh meminta penjelasan daripada staf kami yang melayani anda. Anda juga boleh e-mel kepada kami di [fpx\\_pfs@hlbb.hongleong.com.my](mailto:fpx_pfs@hlbb.hongleong.com.my).